

## 初中一新生入学考试考模拟试卷 1

### 国文科题目卷

日期:\_\_\_\_\_年\_\_\_\_\_月\_\_\_\_\_日 (星期\_\_\_\_\_)

时间:\_\_\_\_\_至 \_\_\_\_\_ (60 分钟)

#### 考生须知:

- 一、 本试卷共印 9 页, 40 题, 必须全部做完。
- 二、 选择题只可用 2B 铅笔作答, 把你所选的答案字母的空间涂黑。
- 三、 每一道题目, 只可以选择一个答案。
- 四、 如果你要更改答案, 必须先把原来的答案擦干净, 然后才涂黑新的答案。
- 五、 考生只须交上答案卷。

**未经得许可, 不得翻开试卷**

姓名: \_\_\_\_\_ ( )

班级: \_\_\_\_\_

Jawab semua soalan dan isikan jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.

1. Orang ramai berkumpul di \_\_\_\_ itu untuk mendengar ceramah yang disampaikan oleh Dato Dr. Fadzillah.  
A Kedai  
B Tasik  
C Dewan  
D Masjid
  
2. “ \_\_\_\_ mahu pulang ke kampung esok atau lusa?” tanya Jasmine kepada Nora.  
A Kamu  
B Kami  
C Aku  
D Hamba
  
3. \_\_\_\_, berani engkau memukul adikku!  
A Cis  
B Wahai  
C Amboi  
D Nah
  
4. Mukanya \_\_\_\_\_ kerana berjemur di bawah terik matahari.  
A Keputih-putihan  
B Kehitam-hitaman  
C Kemerah-merahan  
D Kekuning-kuningan
  
5. Puan Julinnah merebus ubi kayu itu \_\_\_\_\_ empuk untuk membuat kuih.  
A Selagi  
B Selepas  
C Sehingga  
D Sementara
  
6. Jamal merupakan pelajar yang \_\_\_\_\_ dalam tingkatan satu di sekolahnya.  
A Terpandai  
B Terpandai sekali  
C Amat terpandai  
D Amat terpandai sekali

7. Pada perhimpunan pagi, semua murid dan guru berdiri tegak sebagai tanda \_\_\_\_ lagu Negaraku yang sedang dinyanyikan.

A Menghormati

B Penghormatan

C Penghormat

D Kehormatan

8. Taman Negara Kinabalu sentiasa dikunjungi para pelancong \_\_\_\_\_ seluruh dunia \_\_\_\_\_ setiap bulan.

A di...oleh

B dari...pada

C kepada...dengan

D pada...ke

9. Keadaan mangsa kemalangan itu \_\_\_\_\_?

A Bila

B Siapa

C Berapa

D Bagaimana

10. Puan Sarif sedang \_\_\_\_\_ bawang di dapur.

A Menumbuk

B Memukul

C Mengetuk

D Memasak

11. Soalan tahun ini tidak \_\_\_\_\_ soalan tahun lepas.

A Semudah

B Bermudah

C Memudahkan

D Termudah

12. \_\_\_\_\_ telah dedenda oleh gurunya, Siti tetap datang lewat ke sekolah.

A Manakala

B Supaya

C Tetapi

D Meskipun

13. Hanis \_\_\_\_\_ akan ayahnya yang sering memukul ibu dan neneknya.
- A Gembira
  - B Sepi
  - C Benci
  - D Suka
14. Ibu menunjukkan cara \_\_\_\_\_ tali kasut yang betul kepada adik.
- A Mengegam
  - B Mencantum
  - C Mengikat
  - D Menggores
15. Minyak yang sudah \_\_\_\_\_ tidak elok digunakan untuk menggoreng lagi.
- A Tengik
  - B Hanyir
  - C Hapak
  - D Basi
16. Pilih perkataan seerti bagi perkataan yang bergaris. Cahaya matahari yang terik menyebabkan pekerja-pekerja binaan bangunan itu berasa haus.
- A Terang
  - B Sinaran
  - C Warna
  - D Cerah
17. Bawalah sedikit buah tangan apabila bertandang ke rumah saudara mara. Pilih perkataan sinonim bagi bertandang.
- A Berkunjung
  - B Dijemput
  - C Berjabat
  - D Melancong
18. Pilih perkataan berlawan bagi perkataan yang bergaris. Kesihatan datuk kembali sihat sejak dari hospital.
- A Sakit
  - B Segar
  - C Cerdas
  - D Cergas

19. Nurul telah lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan baru-baru ini. Pilih perkataan antonim bagi lulus.

- A Tewas
- B **Gagal**
- C Berjaya
- D Berhasil

20. Pilih perkataan seerti bagi perkataan yang bergaris. Murid yang angkuh itu tidak disukai oleh teman-teman sekelasnya.

- A Bodoh
- B Malas
- C **Sombong**
- D Nakal

21. Sang kecil berusaha \_\_\_\_\_ untuk menipu Sang Harimau yang ingin memakannya.

- A Masuk akal
- B Panjang akal
- C **Cari akal**
- D Ada akal

22. Ridzuan begitu \_\_\_\_\_ dengan sikap ibunya yang sering memberikan perhatian kepada adiknya sahaja.

- A Ada hati
- B Cekal hati
- C **Kecil hati**
- D Rendah hati

23. Encik Kasim cuba \_\_\_\_\_ isterinya dengan membelikannya seutas rantai emas.

- A **Mengambil hati**
- B Mengambil berat
- C Mengambil kira
- D Mengambil kesempatan

24. Jasmine merupakan seorang yang kaya tetapi dia \_\_\_\_\_ untuk menderma wang kepada pusat anak yatim piatu.

- A **Tangkai jering**
- B Pilih kasih
- C Ada hati
- D Berat hati

25. Leha merahsiakan rancangan itu daripada pengetahuan Kavisa kerana rakannya itu mudah membocorkan rahsia. Peribahasa yang sesuai untuk pernyataan di atas ialah \_\_\_\_\_.

A Mulut tempayan

B Mulut murai

C Manis mulut

D Berat mulut

26. Pilih ayat yang betul.

I. Kedai itu bukan jauh dari sini.

II. Kakak membeli sos cili di kedai itu.

III. Jam yang rosak itu telah dihantar ke kedai untuk dibaiki.

IV. Ceria Restoran menyediakan juadah yang enak untuk pelanggannya.

A II, III

B III, IV

C I, IV

D I, II, III

27. Pilih ayat yang betul.

I. Ah, aku tidak percaya kata-kata kau itu!

II. Tolong jangan buang sampah di merata-rata tempat.

III. Kemeja itu diperbuat dengan kain kapas.

IV. Suki bercita-cita untuk menyadi seorang pelakon yang terkenal.

A I, II

B II, III

C I, IV

D III, IV

28. Pilih ayat yang betul.

A Gunung-gunung di situ tinggi-tinggi belaka.

B Gunung-gunung di situ tingggi-tinggi.

C Gunung-gunung di situ tinggi.

D Gunung di situ tinggi-tinggi belaka.

29. Pilih ayat yang betul.

I. Kita haruslah saling bantu-membantu antara satu sama lain.

II. Para petani-petani bercucuk tanam di tanah bukit.

III. Taman rekreasi menjadi tempat yang sesuai untuk menjalankan aktiviti keluarga.

IV. Penduduk kampung berusaha mengalirkan air sungai ke sawah mereka.

A I, II

B II, III

C I, IV

D III, IV

30. Pilih ayat yang betul.

- A Ah, kamu rupa-rupanya!
- B Eh, bagaimana keadaannya!
- C Aduhai, sakitnya kakiku ini!
- D Wah, cantiknya burung merak itu!

Soalan 31 hingga 35

Orang yang paling saya sayang ialah ibu. Nama ibu saya ialah Daina binti Nordin. Ibu dilahirkan pada tahun 1966. Ibu saya sangat tabah dan kuat semangat. Semenjak ketiadaan ayah, ibu bekerja keras membesarkan kami.

Ibu sering membawa saya dan keluarga melancong sewaktu cuti sekolah. Tempat-tempat yang pernah kami kunjungi ialah Pulau Langkawi, Tanah Tinggi Cameron dan banyak lagi. Saya dan keluarga juga selalu pulang ke kampung ibu di Perak, lebih-lebih lagi pada waktu cuti Panjang.

Ibu amat menimati dan berbakat dalam bidang masakan. Pelbagai kejayaan pernah diperoleh ibu hasil daripada minat dan kebolehannya itu. Kini, ibu sudah mempunyai syarikat sendiri. Ibu menjalankan perniagaan menjual roti dan kek. Perniagaan ibu sangat maju. Kami berbangga dengan kejayaan ibu.

Ibu juga bercita-cita besar. Ibu ingin meluaskan pasaran perniagaannya ke luar negara pada suatu hari nanti. Saya berharap agar cita-cita ibu akan tercapai. Kini, cita-cita ibu hampir menjadi kenyataan. Kek dan roti keluaran syarikat ibu sudah mula dipasarkan ke Singapura. Mungkin berkat kesabaran dan kesungguhan ibu yang tidak pernah kenal erti putus asa.

Terima kasih saya ucapkan kepada ibu tersayang atas segala pengorbanannya. Segala jasa, kasih sayang dan dorongan ibu selama ini amatlah saya hargai. Saya berdoa semoga ibu akan terus menyayangi kami sekeluarga. Saya akan memastikan impian ibu untuk melihat saya mendapat keputusan yang cemerlang dalam UPSR akan menjadi kenyataan.

31. Pada tahun 2020, ibu berumur \_\_\_\_\_.

- A 54 tahun
- B 56 tahun
- C 64 tahun
- D 66 tahun

32. Ibu digambarkan oleh penulis sebagai seorang yang \_\_\_\_\_.

- A Gagah dan berani
- B Cekal dan bersemangat
- C Berjimat cermat dan murah hati
- D Penakut dan mudah kecewa

33. Apakah aktiviti-aktiviti yang akan dilakukan oleh penulis Bersama dengan ibu dan keluarga pada waktu cuti sekolah?
- A Memasak dan menjual roti
  - B Melancong dan membeli-belah
  - C Memasak dan berkelah di pantai
  - D Melancong dan pulang ke kampung
34. Penulis menyatakan bahawa harapan ibu hamper menjadi kenyataan kerana \_\_\_\_\_.
- A Sikap ibu yang mempunyai cita-cita
  - B Roti dan kek keluaran syarikat ibu sangat sedap
  - C Ibu sudah berjaya memasarkan roti dan kek ke negara jiran
  - D Banyak negara sudah mula membeli barangan keluaran syarikat ibu
35. Pernyataan-pernyataan yang berikut adalah benar, kecuali \_\_\_\_\_.
- A Ibu penulis memiliki sebuah syarikat menjual roti dan kek
  - B Ibu penulis meminati dan berbakat dalam bidang masakan
  - C Penulis amat menghargai segala pengorbanan ibunya
  - D Penulis telah mendapat keputusan yang cemerlang dalam UPSR
36. Pilih peribahasa yang paling sesuai. Segala nasihat yang diberikan kepada murid yang degil itu sia-sia sahaja kerana dia sedikit pun tidak mengendangkannya.
- A Bagai mendukung biawak hidup
  - B Bagai dakwat dengan kertas
  - C Bagai bumi dengan langit
  - D Bagai mencurahkan air ke daun keladi
37. Pilih peribahasa yang paling sesuai. Walaupun Ming dengan abangnya bergaduh, namun demikian hubungan mereka seperti \_\_\_\_\_.
- A Ular kena palu
  - B Batu jatuh ke lubuk
  - C Kacang lupakan kulit
  - D Air dicencang tidak akan putus
38. Pilih perumpamaan yang paling sesuai. Nasihat ibu kepada Ali tidak diendangkannya bak kata peribahasa \_\_\_\_\_.
- A Seperti hujan jatuh ke pasir
  - B Seperti ikan pulang ke lubuk
  - C Bak cendawan tumbuh selepas hujan
  - D Seperti mengajar itik berenang



39. Murid-murid Tahun 3A itu \_\_\_\_\_ kerana mereka saling membantu ketika mencantikan kelas mereka.

- A Seperti bulan dipagari bintang
- B Seperti aur dengan tebing**
- C Seperti bulan dengan matahari
- D Sudah terhantuk baru tengadah

40. Oleh sebab bimbang akan keselamatan keluarganya, Encik Yap \_\_\_\_\_ terpaksa menurut apa-apa sahaja yang disuruhkan oleh kelima-lima perompak itu.

- A Seperti mentimum dengan durian
- B Seperti lembu dicucuk hidung**
- C Seperti melukut di tepi gantang
- D Seperti talam dua muka

